



BILANGAN 09 YURAN



Ada berapa kesilapan dalam kain rentang berbahasa Melayu ini?

- 01) Oct harus ditulis Okt dan tidak perlu th selepas angka 4 dan huruf s selepas angka
- 02) Tarikh penutup cukuplah dengan tarikh tutup sahaja,
- 03) Borang permohonan hendak ditulis borang permohonan.
- 04) Di dapati hendaklah ditulis serangkai; didapati

Dan kesilapan yang ketara ialah penggunaan kekata '**yuran**'.

'**Yuran**' bermaksud wang yang dibayar setiap bulan kepada sekolah, persatuan, kesatuan, parti dan sebagainya secara tetap. Ayat contoh:

- 05) Anggota yang tidak membayar **yuran** selama enam bulan, boleh digugurkan keanggotannya daripada persatuan itu.
- 06) Saya tidak menganggotai pusat riadah itu kerana **yurannya** tinggi.
- 07) Anggota yang membayar **yuran** untuk selama sepuluh tahun sekali gus dianggap anggota seumur hidup.

Oleh sebab, projek Juadah Ramadan ini merupakan bazar sepanjang bulan Ramadan sahaja dan tidak merupakan organisasi yang didukung anggotanya, maka bayaran sekali yang dikenakan kepada pemohonnya tidak dianggap **yuran**. Perkataan yang sesuai bagi bayaran tersebut ialah sewa, bayaran yang dikenakan bagi setiap gerai.